

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

14 FEB 2017

SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	DUA HARI BAIKI JALAN MENDAP	2
SINAR HARIAN	JALAN MENDAP SEGERA DIBAIKI	3



# HARIAN METRO

## Dua hari baiki jalan mendap

Hm 14/2/2017

**Pasir Gudang:** Jalan mendap berhampiran jambatan di Kilometer 26, Lebuhraya Pasir Gudang menghala Perling, di sini, yang tular di aplikasi WhatsApp semalam, kini dibaik pulih dan dijangka siap dalam tempoh dua hari.

Pegawai Parlimen Pasir Gudang Syeb Dzulfakar Shukor berkata, selepas mendapat maklumat berkaitan tanah mendap itu, pihaknya segera menghubungi Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk memastikan kesahihannya.

"Kejadian itu disebar

melalui WhatsApp yang tular pagi tadi (semalam) dan segera memaklumkan JKR untuk membuat siasatan.

"Hasilnya, JKR sudah membuat siasatan, tanah mendap di hujung jambatan itu berukuran tiga meter dengan kedalaman kira-kira 1.5 meter. JKR kemudian menutup separuh daripada laluan berkenaan, jam 9 pagi untuk baik pulih," katanya.

Syeb Dzulfakar berkata, JKR mengarahkan syarikat konsesi iaitu Selia Selenggara Selatan Sdn Bhd (SSSSB) menjalankan kerja membaiki jalan berkenaan

dengan segera.

Sementara itu, Pengurus Kawasan Selatan SSSSB Mohamad Fairuz Mohd Noor berkata, mendapan tanah berlaku kerana terdapat hakisan tanah di bawah jalan.

"Punca mendapan ada lubang terbentuk di bawah jalan ini berkemungkinan akibat hakisan air sungai dan hujan. Kami mengorek dan menampal lubang itu serta melakukan kerja-kerja menurap semula jalan.

"Kerja membaiki pulih jalan selesai sekurang-kurangnya dalam masa dua hari," katanya.



SYEB Dzulfakar (kiri) melihat jalan mendap di Kilometer 26, Lebuhraya Pasir Gudang menghala ke Perling.



# SINAR HARIAN

## Jalan mendap segera dibaiki

Baik pulih laluan di Kilometer 26 Lebuhraya Pasir Gudang menghala ke Perling dijangka siap hari ini

AZLINA OTHMAN 14/2/17

**PASIR GUDANG** - Jalan mendap dan berubang di Kilometer 26 Lebuhraya Pasir Gudang menghala ke Perling, di sini yang tular di media sosial kini sedang dibaiki dan dijangka siap hari ini.

Perkara berkenaan turut mendapat perhatian Pejabat Parlimen Pasir Gudang yang segera menghubungi Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk tindakan baik pulih dilakukan secepat mungkin bagi mengelak perkara tidak diingini.

Menurut pegawai Parlimen Pasir Gudang, Syeb Dzulfakar Shukor, JKR menerusi syarikat konsesi yang dilantik, Selia Selenggara Selatan Sdn Bhd segera menjalankan siasatan untuk memastikan kesahihan maklumat berkenaan.

"Pihak kami mengetahui tentang maklumat jalan mendap menerusi perkongsian aplikasi 'whatsapp' yang tular pada pagi tadi (semalam) dan segera memaklumkan

JKR untuk membuat siasatan tentang jalan mendap yang dimaksudkan itu.

"JKR sudah membuat siasatan dan memang benar ada berlakunya tanah mendap hingga membentuk lubang seluas tiga meter di hujung jambatan dengan kedalaman 1.5 meter.

"Berikutan itu, laluan ini terpaksa ditutup satu lorong kira-kira jam 9 pagi (semalam) demi menjaga keselamatan pengguna jalan raya," katanya semasa membara tinjauan di lokasi berkenaan, di sini, semalam.

Syeb Dzulfakar berkata, kerja-kerja baik pulih jalan berkenaan dijangka mengambil masa selama dua hari.

"Kita jangka esok (hari ini) kerja-kerja baik pulih ini akan siap sepenuhnya dan berlaku sedikit kesesakan di sini.

"Jadi, diharap penduduk Pasir Gudang yang menggunakan jalan ini memberi kerjasama dan bersabar sedikit dengan kesulitan yang berlaku," katanya.



Syeb Dzulfakar (dua, kanan) bersama Mohd Fairuz (dua, kiri) melawat kawasan jalan mendap di Kilometer 26 Lebuhraya Pasir Gudang menghala ke Perling.

Dalam pada itu, Pengurus Kawasan Johor, Selia Selenggara Selatan Sdn Bhd, Mohd Fairuz Mohd Nor berkata, mendapan tanah berlaku kerana terdapat struktur

hakisan tanah di bawah jalan berkenaan menyebabkan jalan mendap serta berubang.

"Kemungkinan mendapan jalan ini berpunca daripada hakisan air sungai dan

hujan. Kami akan mengorek dan menampal lubang itu serta melakukan kerja-kerja menurap jalan.

"Kerja baik pulih jalan yang rosak ini akan selesai se-

kurang-kurangnya dalam dua hari dan selepas ini pengguna boleh menggunakan laluan ini seperti biasa," katanya yang mengakui kes seperti ini kerap berlaku.

